



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Pentaksiran dan
Penilaian Akademik

FAQ

Pengendalian Pentaksiran dan Penilaian UiTM Semasa Pandemik COVID-19



Disediakan oleh :

Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA)

*Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan*



FAQ

Pengendalian Pentaksiran dan Penilaian UiTM Semasa Pandemik COVID-19

FAQ ini terhasil melalui inisiatif BPPA dalam menangani isu COVID-19 dengan memastikan pengendalian Pentaksiran dan Penilaian Akhir Sesi Mac – Ogos 2021 ini dilaksanakan dengan lancar.

Sumber Rujukan :

- a) Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM Pindaan 2021
- b) Peraturan Akademik Diploma dan Sarjana Muda UiTM (Pindaan 2017)
- c) Jadual Aktiviti Pengurusan Akademik (JAPA)
- d) Jadual Waktu Peperiksaan (JWP)
- e) Surat BPPA bertarikh 6 Julai 2021, 600-BPPA (PT. 7/8/3) - Kebenaran Menduduki Semula Pentaksiran Akhir bagi pelajar yang mempunyai temujanji suntikan vaksinasi
- f) Surat BPPA bertarikh 7 Julai 2021, 600-BPPA (PT. 7/1/4) - Pelaksanaan Penilaian Akademik Semasa Pandemik COVID-19

FAQ ini disediakan berdasarkan
Sesi Soal Jawab BPPA bersama Warga UiTM
berkaitan Penilaian Akhir Semester Mac - Ogos
2021 Ketika Pandemik COVID-19

SOALAN #01

Adakah semua pelajar yang diberi status XX dibolehkan menduduki pentaksiran akhir dalam tempoh Peperiksaan Khas?

Hanya pelajar yang diberi status XX kerana tidak dapat menduduki pentaksiran akhir kerana pertindihan temujanji vaksin sahaja dibenarkan menduduki pentaksiran akhir dalam tempoh Peperiksaan Khas/Peperiksaan Semula/Semester Pendek

SOALAN #02

Bagi pelajar yang diberikan status XX kerana tidak dapat menduduki pentaksiran akhir disebabkan pertindihan JWP, pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan semasa dalam minggu Peperiksaan Khas. Bagaimanakah dengan markah yang akan diperolehi pelajar nanti? Adakah pelajar akan dikenakan yuran Peperiksaan Khas?

Pelajar yang diberi status XX disebabkan hal tersebut akan diberikan gred sebenar dan tidak dikenakan yuran.

SOALAN #03

Apakah pelajar yang tidak menduduki *Final Assessment* tanpa kebenaran boleh diberikan status YY?

Ya. Pelajar perlu diberi YY kerana tidak hadir tanpa kebenaran.
(Rujuk Buku Peraturan Akademik UiTM)

SOALAN #04

Bagi kod yang ada di dalam Jadual Waktu Peperiksaan (JWP), bolehkah masa yang telah ditetapkan diubah kepada waktu malam untuk semua pelajar sama ada terkesan atau tidak?

Pihak fakulti/kampus/pusat akademik boleh mengemukakan permohonan kepada BPPA untuk dipertimbangkan.

SOALAN #05

Adakah pelajar yang mendapat Sijil Sakit (MC) selain dari COVID-19 dibenarkan menduduki pentaksiran akhir dalam minggu Peperiksaan Khas?

Tidak, hanya pelajar yang terlibat dengan pertindihan temujanji suntikan vaksinasi sahaja dibenarkan.

SOALAN #06

Sekiranya tiada set tambahan yang disediakan untuk pelajar yang mempunyai temujanji vaksin, adakah dibenarkan untuk pelajar tersebut menduduki pentaksiran akhir semasa dalam tempoh Peperiksaan Khas/Peperiksaan Semula/Semester Pendek yang akan dilaksanakan pada 27 September sehingga 1 Oktober 2021?

Merujuk kepada surat BPPA bertarikh 6 Julai 2021- Ruj: 600-BPPA (PT. 7/8/3) - Kebenaran Menduduki Semula Pentaksiran Akhir Bagi Pelajar yang Mempunyai Temujanji Suntikan Vaksinasi, pensyarah perlu menyediakan set soalan yang berbeza tetapi setara. Pelajar hanya dibenarkan menduduki pentaksiran akhir semasa dalam tempoh Peperiksaan Khas/Peperiksaan Semula/Semester Pendek sekiranya tidak dapat menduduki pentaksiran akhir yang dijadualkan semula sewaktu minggu peperiksaan universiti kerana pertindihan JWP.

SOALAN #07

Bolehkan pentaksiran berterusan (*continuous assessment*) dilaksanakan pada minggu ulangkaji?

Boleh, kerana fleksibiliti telah diberikan. Walaubagaimanapun pensyarah sewajarnya mengikut kalender akademik agar tidak membebankan pelajar pada hujung semester.

(Rujuk surat BPPA bertarikh 600-BPPA (PT. 7/1/4) bertarikh 7 Julai 2021 – Pelaksanaan Penilaian Akademik Sewaktu Pandemik COVID-19)

SOALAN #08

Apakah tindakan yang boleh diambil bagi kes pelajar terkesan dengan COVID-19 (sama ada diri sendiri atau menjaga ahli keluarga yang dijangkiti COVID-19)?

- i) Pelajar perlu mengemukakan permohonan beserta bukti kepada fakulti/kampus/pusat akademik.
- ii) JAF/JAN/JAI akan meneliti permohonan tersebut sebelum memberi kebenaran untuk tidak menduduki pentaksiran akhir dengan diberi status XX.
- iii) Pelajar boleh menduduki semula pentaksiran dalam tempoh Peperiksaan Khas/Peperiksaan Semula/Semester Pendek yang akan dilaksanakan pada 27 September sehingga 1 Oktober 2021.

SOALAN #09

Adakah proses moderasi dan semakan oleh pemeriksa kedua masih perlu dijalankan?

Proses moderasi perlu dilaksanakan kerana ia telah termaktub di dalam Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM (Pindaan 2021).

Semakan oleh pemeriksa kedua juga perlu diadakan bagi menjamin kewajaran markah yang diperolehi pelajar.

SOALAN #10

Adakah markah penilaian berterusan perlu diberikan kepada pelajar?

Pencapaian penilaian berterusan mesti dimaklumkan kepada pelajar untuk tujuan penambahbaikan prestasi kecuali :

- i) bagi kursus yang bergred lulus / gagal
- ii) kursus yang mempunyai 100% penilaian akhir
- iii) bahagian akhir penilaian bagi kursus yang mempunyai 100% penilaian berterusan.

Perkara ini termaktub di dalam Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM (Pindaan 2021)

SOALAN #11

Bagi kod yang tiada peperiksaan akhir, berapakah peratus markah penilaian berterusan yang perlu dimaklumkan kepada pelajar?

Bagi kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir, 30% hingga 70% markah penilaian berterusan perlu dimaklumkan kepada pelajar walaupun tempoh pelaksanaan dilanjutkan.

SOALAN #12

Adakah pelajar masih perlu menduduki pentaksiran akhir sekiranya markah *continuous assessment* mereka telah melebihi 50%?

Semua pelajar diwajibkan menduduki pentaksiran akhir bagi kursus yang mempunyai pentaksiran akhir.

Perkara ini telah termaktub di dalam Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM (Pindaan 2021)

SOALAN #13

Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pensyarah sekiranya pelajar didapati meniru atau melanggar etika integriti dalam *Final Assessment (FA)* ?

Merujuk kepada Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM (Pindaan 2021), tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas pelajar sekiranya terdapat bukti ketidakjujuran akademik dan kegagalan mematuhi polisi tersebut. Sekiranya pelajar didapati meniru atau melanggar etika integriti dalam FA, ia perlu dilaporkan kepada fakulti/kampus/pusat akademik untuk dibawa ke jawatankuasa berkaitan.

SOALAN #14

Adakah pihak fakulti/kampus/pusat akademik diberi kebenaran untuk menentukan *cut off date* sebelum tarikh 18 Ogos 2021?

Ya, pihak fakulti/kampus/pusat akademik dibenarkan untuk menentukan *cut off date* yang bersesuaian.

SOALAN #15

Adakah fleksibiliti dan kelonggaran pentaksiran dan penilaian ini terpakai untuk program Pascasiswazah?

Ya, terpakai.

Pautan Rakaman Sesi Taklimat Pengendalian Pentaksiran & Penilaian Akademik Semester Mac - Ogos 2021 semasa Pandemik COVID-19



Disampaikan oleh :
Prof. Madya Ts Dr Syamsul Nor Azlan Mohamad
Pengarah
Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik

<https://youtu.be/LQ5iGq6NYmw>

NOTA: RAKAMAN ADALAH BAGI TUJUAN RUJUKAN WARGA UITM. SEGALA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BERTUJUAN MENANGANI ISU SEMASA DAN IANYA TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DARI SEMASA KE SEMASA

Slaid Pembentangan Sesi Taklimat Pengendalian Pentaksiran & Penilaian Akademik Semester Mac - Ogos 2021 semasa Pandemik COVID-19

Disampaikan oleh :
Prof. Madya Ts Dr Syamsul Nor Azlan Mohamad
Pengarah
Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik

SESI TAKLIMAT PENGENDALIAN PENTAKSIRAN & PENILAIAN AKADEMIK SEMASA PANDEMIK COVID-19 SESI MAC – OGOS 2021

Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA)



Peranan dan cabaran yang dilalui oleh semua pensyarah dan pelajar sewaktu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara *Open & Distance Learning* (ODL) ketika berhadapan dengan Pandemik Covid

PENGENALAN

Responsif,
Fleksibel, Kualiti
dan Integriti

Perkara 4.3.9 yang
terdapat di dalam
[Polisi Pentaksiran
& Penilaian
Akademik UiTM
Pindaan 2021](#)

Penyesuaian Tarikh
Penilaian Akhir

JWP dan Vaksinasi



Aktiviti pentaksiran dan penilaian termasuk muatnaik markah adalah sehingga 18 Ogos 2021.

(Pekeliling Akademik Bil. 11/2021 mengenai Pelaksanaan Kuliah 3B bagi Sesi II 2020 / 2021 Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP))

FLEKSIBEL

Menyesuaikan tarikh penghantaran tugas atau melaksanakan ujian dalam tempoh yang **melangkaui minggu ke 14.**

Jadual Aktiviti Pengurusan Akademik (JAPA) bagi sesi 20212 Kumpulan B.

Markah Penilaian Berterusan yang telah dilaksanakan perlu dimaklumkan kepada pelajar walaupun tempoh pelaksanaan dipanjangkan.

Memastikan Penilaian Akhir dijalankan:

- Berdasarkan Jadual Waktu Peperiksaan (JWP) Julai 2021 yang ditetapkan bagi kod kursus yang terlibat.
- Tiada pertindihan penilaian bagi kod kursus yang tidak tersenarai di dalam JWP.
- Kebenaran Menduduki Semula Pentaksiran Akhir bagi pelajar yang mempunyai temujanji suntikan vaksinasi.



Sekiranya JWP pelajar bertembung dengan tarikh dan masa vaksinasi COVID-19, pelajar boleh menduduki semula pentaksiran akhir dalam tempoh minggu peperiksaan universiti yang ditetapkan pada 22 Julai sehingga 12 Ogos 2021.

KAEDAH ALTERNATIF PERTAMA

Pensyarah perlu memilih tarikh dan masa baharu

Menyediakan set soalan yang berbeza tetapi setara

Boleh menduduki dalam tempoh 22 Julai hingga 12 Ogos 2021



Pelajar yang menduduki semula semasa dalam tempoh Peperiksaan Khas/Peperiksaan Semula/Semester Pendek yang akan dilaksanakan pada 27 September sehingga 01 Oktober 2021.

KAEDAH ALTERNATIF KEDUA

Merujuk kepada Peraturan Akademik Diploma Sarjana Muda 2017 (mukasurat 26, perkara 2.16, klausa 2.16.4), pelajar akan diberi status XX dengan kelulusan oleh JAF/JAN/JAI.

Menyediakan set soalan dan penjadualan Peperiksaan Semula

Bagi *common code*, BPPA akan menguruskan Penjadualan Peperiksaan Semula.

Bagi *non-common code*, ianya boleh dikendalikan oleh PTJ masing-masing.

Memastikan Pengemaskinian Keputusan Penilaian yang akan dilaksana; dibentang dan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembetulan dan Pengemaskinian Keputusan Peperiksaan (JPPKP) pada **15 Oktober 2021**.

KUALITI



Kekal menjaga kualiti dan integriti dalam penilaian akademik serta memastikan proses penilaian, pengredan dan kemasukan markah

Proses Penilaian

Semua penilaian akademik pelajar mesti diberi markah mengikut kaedah penilaian dan pemberat yang telah ditetapkan.

Pengredan

Markah penilaian perlu dijumlahkan mengikut ketetapan peratus agihan penilaian akademik pelajar seperti di dalam maklumat kursus di dalam sistem AIMS.

Kemasukan Markah

Memasukkan markah ke dalam sistem eRES dengan berhati-hati dan teliti mengikut kepada agihan penilaian.

Moderasi

Sekiranya terdapat perbezaan markah yang ketara di antara penilai semasa proses moderasi, tindakan penyelarasan dan pembetulan mesti dilaksanakan segera.

INTEGRITI



Kekal menjaga kualiti dan integriti dalam penilaian akademik serta memastikan proses penilaian, penggredan dan kemasukan markah

Ikrar

Ikrar yang diisi oleh pelajar adalah langkah pencegahan salahlaku akademik.

Kerahsiaan

Set soalan / tugasan yang telah dihasilkan / dijana mestilah dijamin keselamatan dan kerahsiaannya.

Salahlaku

Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti

Ketidapatuhan

PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan berkenaan perlu membuat laporan dan cadangan tindakan segera berkaitan ketidapatuhan Penilaian Akademik melalui mesyuarat JAF/JAK/JAN/JAP mengikut prosedur sedia ada.

RUJUKAN

1. Polisi Pentaksiran & Penilaian Akademik UiTM Pindaan 2021
2. Pekeliling Akademik Bil. 11/2021 mengenai Pelaksanaan Kuliah 3B bagi Sesi II 2020 / 2021 Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
3. Surat 600-BPPA (PT. 7/8/3) bertarikh 6 Julai 2021 - Kebenaran Menduduki Semula Pentaksiran Akhir bagi pelajar yang mempunyai temujanji suntikan vaksinasi.
4. Surat 600-BPPA (PT. 7/1/4) bertarikh 08 Julai 2021 - Pelaksanaan Penilaian Akademik Semasa Pandemik COVID-19 bagi Sesi Mac – Ogos 2021

Terima kasih



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Bahagian
Pentaksiran dan
Penilaian Akademik

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan

